

KEMULURANISME SEBAGAI KONSEP NASIONALISME DALAM PENGKARYAAN MUZIK ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA

BAHIZAL ABU BAKAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMULURANISME SEBAGAI KONSEP NASIONALISME DALAM PENGKARYAAN MUZIK ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA

BAHIZAL ABU BAKAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **11 JANUARI 2022**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **BAHIZAL ABU BAKAR NO MATRIKS P20172001843 FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang **KEMULURANISME SEBAGAI KONSEP NASIONALISME DALAM PENGKARYAAN MUZIK ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tjoe

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **Prof. Madya Dr. Clare Suet Ching Chan** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEMULURANISME SEBAGAI KONSEP NASIONALISME DALAM PENGKARYAAN MUZIK ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Doktor Falsafah (Etnomuzikologi)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KEMULURANISME SEBAGAI KONSEP NASIONALISME DALAM
PENGKARYAAN MUZIK ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA**

No. Matrik / Matric's No.: **P20172001843**

Saya / I: **BAHIZAL ABU BAKAR**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 JANUARI 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT saya dapat menyelesaikan penyelidikan ini. Walaupun cabaran berat saya hadapi apabila terpaksa menjalani pembedahan jantung sebanyak dua kali pada masa penyelidikan berlangsung dan juga melalui tempoh wabak covid-19, namun berkat usaha dan kesabaran saya berjaya juga menyelesaikannya. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang secara langsung atau tidak langsung membantu dalam proses penyelidikan saya. Terutamanya atas bimbingan dan tunjuk ajar penyelia saya di UPSI iaitu Prof. Madya Dr. Clare Suet Ching Chan dan penyelia bersama Prof. Zaharul Lailiddin Saidon selama saya dalam pengajian. Selain itu juga tidak dilupakan penghargaan kepada mantan dekan saya semasa berkhidmat di Pusat Pengajian Pasca Siswazah ASWARA iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Halim Husain yang turut membantu memberikan khidmat nasihat semasa penyelidikan berlangsung, Dr. Azman Ismail dari ASWARA yang tidak lokek untuk berkongsi ilmu dan pandangan serta Prof. Dr. Ramle Abdullah dari ASWARA yang turut memberikan khidmat nasihat juga pembantu penyelidik Nur Fatin Shatira Hana yang turut meluangkan masa. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri saya Wan Nor Salma Wan Salleh dan ibu tercinta Hidayah Mustapa yang turut berkorban masa dan tenaga bagi memberikan ruang kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan saya serta ayah iaitu Abu Bakar bin Manap yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan. Anak-anak yang sangat saya kasihi iaitu Wan Masturah Sobihah, Wan Mahfuzah Samihah dan Wan Ammar Harith telah menjadi pembakar semangat saya untuk terus berjuang mempersiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali kepada semua sahabat sepengajian termasuk bapak Monang Asi Sianturi dan juga rakan-rakan yang mengenali saya di OTM iaitu En. Mohd Yazid Zakaria, Zamzahardi Mohd Zambrin, Shamsul Zin dan ramai lagi yang telah membantu, saya ucapkan ribuan terima kasih. Hasil penyelidikan ini juga merupakan satu monumen kecemerlangan ilmu sahabat dan guru saya iaitu Allahyarham Sabri Buang dan kasih penjaga angkat iaitu Mat Ebidi Mustafa.



ABSTRAK

Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) ialah sebuah orkestra yang menggabungkan alat muzik Melayu, Cina, India, Orang Asli dan kaum pribumi Sabah dan Sarawak. OTM mempersembahkan gubahan muzik baharu yang diilhamkan daripada muzik kumpulan etnik ini. Dalam pembinaan satu bangsa, Malaysia menubuhkan OTM untuk mewakili negara baharu dengan identiti nasional yang bersatu. Persembahan muzikal OTM bertujuan untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat berbilang budaya di Malaysia. Tradisi muzik Malaysia yang pelbagai telah mencabar komposer, pemuzik dan konduktor OTM dalam penghasilan gubahan muzik untuk persembahannya. Objektif penyelidikan ini adalah untuk: (a) menganalisis bagaimana kepelbagaian muzik tempatan Malaysia diintegrasikan ke dalam gubahan muzik OTM (b) mengkaji pemilihan lagu, alat muzik, dan program persembahan yang bertujuan untuk membangkitkan nasionalisme (c) mengenal pasti penyelesaian OTM terhadap isu mengadaptasi kepelbagaian talaan, gaya muzik dan ciri-ciri alat muzik dan muzik Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan metodologi kualitatif yang memfokuskan kepada etnografi. Data dikumpul dan dianalisis melalui pemerhatian temu bual separa berstruktur dengan tujuh informan terpilih berserta bahan audiovisual, temu bual yang dianalisis secara berterusan menggunakan kaedah analisis interaktif. Saya berhujah bahawa kemuluranisme (fleksibiliti) tersendiri adalah konsep "nasionalisme" yang wujud di kalangan pemuzik, komposer dan konduktor dalam pembinaan persekitaran pembangunan gubahan muzik yang diilhamkan oleh muzik masyarakat berbilang budaya di Malaysia.

KEMULURANISM (FLEXIBILITY) AS A CONCEPT OF NATIONALISM IN THE MUSICAL CREATION OF MALAYSIAN TRADITIONAL ORCHESTRA

ABSTRACT

The Malaysian Traditional Orchestra (OTM) is an orchestra that combines the musical instruments of the Malay, Chinese, Indian, Orang Asli and indigenous people of Sabah and Sarawak. OTM performs new musical arrangements inspired by the music these ethnic groups. In nation building, Malaysia established OTM to represent a new nation with a unified national identity. The musical performances of OTM was aimed to evoke a sense of nationalism among the multicultural people in Malaysia. Malaysia's diverse musical traditions challenged the composers, musicians and conductor of OTM in the musical arrangements for its performances. The objective of this research is to: (a) analyze how the diverse local music of Malaysia was integrated into OTM's musical arrangements (b) examine the selection of songs, musical instruments, and performance programme aimed to evoke nationalism (c) identify OTM's solutions to issues of adapting the diverse tuning, musical styles and characteristics of Malaysian musical instruments and music. This research used the qualitative methodology focusing on ethnography. Data was collected and analyzed through observations semi- structured interviews with seven selected informants and audiovisual materials. Interviews were analyzed continuously using the Interactive Analysis method. I argue that the qualities of kemuluranisme (flexibility) is in itself a concept of "nationalism" inherent among the musicians, composers and conductors that create the environment for the development of new musical arrangements inspired by the music of the multicultural people in Malaysia.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Penyelidikan	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Penyelidikan	10
1.5	Objektif Penyelidikan	11
1.6	Persoalan Penyelidikan	11
1.7	Kerangka Teori dan Konseptual Penyelidikan	12
1.8	Carta Alir Ringkas Proses Penyelidikan	18
1.9	Kepentingan Penyelidikan	19
1.10	Batasan Penyelidikan	20
1.11	Definisi Operasional	20



1.12	Rumusan Bab	23
------	-------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Nasionalisme dalam Muzik	24
2.2	Nasionalisme	28
2.3	Nasionalisme Kaum Melayu	32
2.4	Nasionalisme Kaum Cina	33
2.5	Nasionalisme Kaum India	33
2.6	Masalah Hubungan Kaum di Malaysia	34
2.7	Integrasi Nasional	35
2.8	Polisi Kerajaan untuk Menggalakkan Integrasi Nasional	35
2.9	Konsep Bangsa Malaysia	36
2.10	Matlamat Wawasan 2020 dan Bentuk Masyarakat “Bangsa Malaysia”	39
2.11	Konsep Islam Hadari, Negara Maju dan Perpaduan Masyarakat Malaysia	42
2.12	Gagasan 1Malaysia	44
2.13	Latar Belakang dan Sejarah Muzik Budaya Malaysia	46
2.14	Pasca Kemerdekaan, Identiti dan Budaya Nasional	50
2.15	Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) dan OTM	52
2.16	Lagu-Lagu Patriotik Malaysia	67
2.17	Latar Belakang OTM	67
2.18	Lagu dan Gubahan Muzik OTM semasa Pelancaran	69
2.19	Pemilihan dan Susunan Alat Muzik OTM	70
2.20	Pendekatan Konsep Kemuluranisme sebagai Satu “Formula” Perantara untuk Menggabungkan Alat Muzik Tradisional Malaysia dalam Sebuah Orkestra	76
2.21	OTM Sebagai Tradisi yang Dicipta (Invented Tradition)	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	80
3.2	Peranan Penyelidik	81
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	82
3.4	Penyelidikan Perpustakaan	83
3.5	Penyelidikan Lapangan	84
3.6	Instrumen Penyelidikan	85
3.7	Pengumpulan Data	85
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	87
3.9	Senarai Data melalui Kaedah Temu Bual	94
3.9.1	Dokumentasi Temu Bual	94
3.10	Senarai Data melalui Kaedah Dokumentasi	95
3.10.1	Dokumentasi Skor Lagu (<i>Excerpts</i> /Petikan Muzik)	95
3.11	Senarai Data melalui Dokumen Rakaman Video	95
3.11.1	Dokumen Rakaman Video	95
3.12	Senarai Data melalui Kaedah Pemerhatian	96
3.12.1	Catatan atau Senarai Semak	96
3.13	Matrik Pengumpulan Data dan Panduan Catatan semasa Dilapangan	96
3.14	Analisis Data	98
3.15	Kaedah/Teknik Menganalisis Data (Model Analisis Interaktif)	99
3.15.1	Model Analisis Interaktif (<i>Miles, Hubermen & Saldana, 2014</i>)	99
3.16	Kaedah Pembahagian Kod Data	102
3.17	Paparan Data	103

3.18	Rumusan	104
------	---------	-----

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	106
-----	------------	-----

4.2	Prosedur Menganalisis Data	108
-----	----------------------------	-----

4.2.1	Prosedur Menganalisis Data (Berterusan)	108
-------	---	-----

4.2.2	Prosedur Menganalisis Data (Akhir)	108
-------	------------------------------------	-----

4.3	Analisis Data Temu Bual	109
-----	-------------------------	-----

4.3.1	Analisis Temu Bual Informan 1 (T1)	109
-------	------------------------------------	-----

4.3.2	Analisis Temu Bual Informan 2 (T2)	116
-------	------------------------------------	-----

4.3.3	Analisis Temu Bual Informan 3 (T3)	121
-------	------------------------------------	-----

4.3.4	Analisis Temu Bual Informan 4 (T4)	129
-------	------------------------------------	-----

4.3.5	Analisis Temu Bual Informan 5 (T5)	137
-------	------------------------------------	-----

4.3.6	Analisis Temu Bual Informan 6 (T6)	151
-------	------------------------------------	-----

4.3.7	Analisis Temu Bual Informan 7 (T7)	161
-------	------------------------------------	-----

4.4	Analisis Skor dan Video	172
-----	-------------------------	-----

4.4.1	Analisis Skor dan Video 1 (S1, V1)	172
-------	------------------------------------	-----

4.4.2	Analisis Skor dan Video 2 (S2, V2)	177
-------	------------------------------------	-----

4.4.3	Analisis Skor dan Video 3 (S3, V3)	182
-------	------------------------------------	-----

4.4.4	Analisis Skor dan Video 4 (S4, V4)	189
-------	------------------------------------	-----

4.5	Analisis Pemerhatian	194
-----	----------------------	-----

4.5.1	Analisis Pemerhatian 1 (P1)	194
-------	-----------------------------	-----

4.5.2	Analisis Pemerhatian 2 (P2)	198
-------	-----------------------------	-----

4.5.3	Analisis Pemerhatian 3 (P3)	202
-------	-----------------------------	-----

4.5.4	Analisis Pemerhatian 4 (P4)	206
-------	-----------------------------	-----

4.6	Rumusan Kod dan Dapatan Penyelidikan	209
-----	--------------------------------------	-----

BAB 5 PENGGUNAAN ELEMEN MUZIK TEMPATAN DALAM GUBAHAN OTM

5.1	Pengenalan	210
5.1.1	Dapatan Penyelidikan daripada Persoalan Penyelidikan 1	211
5.1.2	Dapatan penyelidikan i.a (Elemen muzik tempatan tidak ditulis secara khusus di dalam skor lagu alat muzik tradisional yang digunakan)	212
5.1.3	Dapatan penyelidikan i.b (Penggubah muzik meletakkan form khusus tertentu seperti solo, cadenza dan preludes di dalam lagu yang dipersembahkan)	218
5.1.4	Dapatan penyelidikan i.c (Alat muzik tradisional digunakan sebagai soloist dalam gubahan muzik)	222
5.1.5	Dapatan penyelidikan i.d (Konduktor meminta pemuzik menerapkan gaya permainan asal alat muzik tradisional semasa membaca notasi yang ditulis)	227
5.1.6	Dapatan penyelidikan i.e (Pemuzik diberi kebebasan untuk menginterpretasikan setiap note yang ditulis di dalam gubahan)	234
5.1.7	Dapatan penyelidikan i.f (Stail atau rentak muzik tempatan digunakan dalam gubahan)	239

BAB 6 STRATEGI YANG DIGUNAKAN DALAM PILIHAN LAGU, SENARAI DAN SUSUNAN ALAT MUZIK.

6.1	Pendahuluan	242
6.1.1	Dapatan Penyelidikan daripada Persoalan Penyelidikan 2	243
6.1.2	Dapatan penyelidikan ii.a (Lagu yang dipilih mempunyai tajuk dan lirik yang berkaitan dengan rasa cintakan negara dan lagu popular semasa)	244
6.1.3	Dapatan penyelidikan ii.b. (Lagu yang dipilih adalah daripada lagu terkenal di negeri atau mewakili kaum utama tertentu)	249

6.1.4	Dapatan penyelidikan ii.c (Mengutamakan penggunaan alatan muzik tradisional yang mewakili kaum utama di Malaysia)_	253
6.1.5	Dapatan penyelidikan ii.d. (Pada awal penubuhan jumlah penggunaan alat muzik tradisional dari berbagai-bagai bangsa di Malaysia seimbang, kini alatan muzik melayu dan rhythm section diutamakan)	258
6.1.6	Dapatan penyelidikan ii.e (Pada awal penubuhan penetapan dan pemilihan alatan muzik menjadikan konsep fleksibiliti alatan muzik dan struktur orkestra simfoni sebagai panduan, atas sebab kekurangan pemuzik kini struktur dan susun atur agak berbeza)_	264
6.1.7	Dapatan penyelidikan ii.f. (Lokasi alat muzik tradisional berbagai-bagai bangsa diletakkan dihadapan orkestra)_	275
6.1.8	Dapatan penyelidikan ii.g (Menggunakan alat muzik tradisional asal dan juga yang telah diubah strukturnya)_	278

BAB 7 ISU-ISU YANG TIMBUL AKIBAT DARIPADA PENYERAGAMAN, PENALAN DAN SISTEM MUZIK OTM

7.1	Pendahuluan	283
7.1.1	Dapatan Penyelidikan daripada Persoalan Penyelidikan 3	284
7.1.2	Dapatan penyelidikan iii.a (Tidak mempunyai pemuzik mencukupi yang mampu berada di dua situasi permainan berbeza iaitu gaya permainan asal dan membaca notasi muzik barat)_	285
7.1.3	Dapatan penyelidikan iii.b (Semasa awal penubuhan terdapat penentangan daripada sebahagian pemuzik tradisional dan penggiat muzik tempatan terhadap perubahan yang dilakukan terhadap alat muzik tradisional)_	289
7.1.4	Dapatan penyelidikan iii.c (Walaupun terdapat alat muzik yang diubah talaan kepada muzik barat, pitch setiap notasi tidak dapat kekal konsisten ketepatannya pada awal penubuhan OTM)	293

7.1.5	Dapatan penyelidikan iii.d (Kesukaran untuk mendapatkan keseimbangan bunyi yang harmoni (blend) apabila alatan ini dimainkan serentak bersama pada awal penubuhan OTM).	297
7.1.6	Dapatan penyelidikan iii.e (Penggunaan sistem notasi berbeza, pemuzik perlu ubah daripada sistem notasi barat ke nombor).	303
7.1.7	Dapatan penyelidikan iii.f (Keupayaan alatan muzik tradisional terhad -fleksibiliti not, keluasan jarak not, tonasi).	307
7.1.8	Dapatan penyelidikan iii.g (Kurang penggubah muzik yang berpengetahuan dengan alat muzik tradisional).	310
7.2	Dapatan Penyelidikan Keseluruhan	313

BAB 8 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

8.1	Pengenalan	314
8.2	Ringkasan Penyelidikan	315
8.3	Perbincangan Dapatan Penyelidikan	317
8.3.1	Perbincangan Penyelidikan (Elemen Muzik Tempatan).	317
8.3.1.1	OTM sebagai satu simbol dan imaginasi komuniti Malaysia	317
8.3.2	Perbincangan Penyelidikan (Strategi yang Digunakan).	319
8.3.2.1	Nilai masyarakat Malaysia yang berteraskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) melalui penubuhan OTM	319
8.3.3	Perbincangan Penyelidikan (Isu-Isu yang Muncul)	321
8.3.3.1	Isu-Isu yang muncul akibat daripada penubuhan OTM bagi memenuhi keperluan dari sudut individu, sosial dan nasional	321
8.4	Potensi Penubuhan OTM	323



8.5	Penerapan Budaya Pengurusan dan Persembahan Orkestra Simfoni di dalam OTM	324
8.6	Cadangan Penambahbaikan OTM	326
8.6.1	Memperkuh Identiti OTM sebagai Sebuah Tradisi Baru Muzik Malaysia	326
8.6.2	Usaha yang Perlu Dijalankan	327
8.6.3	Cadangan Pelan Tindakan yang Boleh Dilakukan	328
8.7	Sumbangan Terhadap Ilmu dan Masyarakat dalam Bidang yang Dibincangkan	330
8.8	Model	331
8.9	Konsep Kemuluranisme dalam Proses Pengkaryaan dan Persembahan Muzik OTM	333
8.10	Cadangan Penyelidikan Seterusnya	338
8.11	Kesimpulan	339



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Data Temu Bual	94
3.2 Senarai Data Skor Lagu	95
3.3 Senarai Data dari Video	95
3.4 Senarai Data daripada Kaedah Pemerhatian	96
3.5 Matriks Senarai Perspektif untuk Tujuan Pengumpulan Data	97
3.6 Senarai Pembahagian Kod Data	103
4.1 Analisis Data Temu bual Informan 1 (T1)	109
4.2 Analisis Data Temu Bual Informan 2 (T2)	116
4.3 Analisis Data Temu Bual Informan 3 (T3)	121
4.4 Analisis Data Temu Bual Informan 4 (T4)	129
4.5 Analisis Data Temu Bual Informan 5 (T5)	137
4.6 Analisis Data Temu Bual Informan 6 (T6)	151
4.7 Analisis Data Temu Bual Informan 7 (T7)	161
4.8 Analisis Data Skor dan Video 1 (S1, V1)	172
4.9 Analisis Data Skor dan Video 2 (S2, V2)	177
4.10 Analisis Data Skor dan Video 3 (S3, V3)	182
4.11 Analisis Data Skor dan Video 4 (S4, V4)	189
4.12 Analisis Data Pemerhatian 1 (P1)	194
4.13 Analisis Data Pemerhatian 2 (P2)	198
4.14 Analisis Data Pemerhatian 3 (P3)	202
4.15 Analisis Data Pemerhatian 4 (P4)	206
7.1 Senarai Dapatan Penyelidikan	313



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Latar Belakang Permasalahan Penyelidikan	7
1.2. Turutan Proses Pembentukan Persoalan Penyelidikan	12
1.3. Penggunaan Teori dan Konsep dalam Penyelidikan	16
1.4. Kerangka Teori dan Konseptual Penyelidikan	17
1.5. Kerangka Turutan Proses Penyelidikan	18
2.1. Ciri-Ciri Kategori Muzik Malaysia	49
2.2. Drum OTM (2010), En. Shamsul Kamal Abd. Rahman	72
2.3. Susunan OTM atas pentas, Pelancaran OTM (2010)	74
2.4. Pelancaran OTM (2010)	75
2.5. Susun Atur Alat Muzik OTM	76
3.1. Prosedur Model Analisis Interaktif (Miles, Huberman & Saldana, 2014)	99
3.2. Proses Analisis Data Mengikut Keutamaan	102
3.3. Proses dan Hubungkait Data Semasa Analisis	104
4.1. Turutan Proses Pengumpulan Data hingga Analisis Data	107
5.1. Dapatan Penyelidikan i.a.	211
5.2. Dapatan Penyelidikan i.b.	217
5.3. Dapatan Penyelidikan i.c.	221
5.4. Dapatan Penyelidikan i.d.	226
5.5. Dapatan Penyelidikan i.e.	233
5.6. Dapatan Penyelidikan i.f.	238
6.1. Dapatan Penyelidikan ii.a.	243
6.2. Dapatan Penyelidikan ii.b.	249
6.3. Dapatan Penyelidikan ii.c.	252
6.4. Dapatan Penyelidikan ii.d.	257



6.5. Dapatan Penyelidikan ii.e.	263
6.6. Dapatan Penyelidikan ii.f.	274
6.7. Dapatan Penyelidikan ii.g.	277
7.1. Dapatan Penyelidikan iii.a.	284
7.2. Dapatan Penyelidikan iii.b.	288
7.3. Dapatan Penyelidikan iii.c.	292
7.4. Dapatan Penyelidikan iii.d.	296
7.5. Dapatan Penyelidikan iii.e.	303
7.6. Dapatan Penyelidikan iii.f.	306
7.7. Dapatan Penyelidikan iii.g.	310
8.1. Potensi OTM	323
8.2. Model Imaginasi Identiti Muzik Malaysia	331

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Inspirasi untuk menubuhkan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) pada tahun 2008 adalah atas keperluan untuk memaparkan satu suasana integrasi kaum di kalangan rakyat Malaysia melalui muzik tradisional. OTM melambangkan identiti masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum daripada aspek keseniannya, di samping itu juga cuba mengekalkan fungsi dan identiti muzik sebagai warisan kesenian tempatan. Sepanjang tahun 2008 memperlihatkan orkestra ini telah berjaya mengadakan beberapa persembahan seperti di Esplanade Singapura di dalam Titian



Budaya Singapura, konsert bersempena hari seniman yang pertama di Putra World Trade Centre (PWTC) dan konsert sempena mesyuarat ahli parlimen Komanwel 2008. Walaupun konsert ini hanya bersifat hiburan, namun telah menyedarkan Kementerian Kebudayaan Kesenian Dan Warisan pada waktu itu tentang kewujudan dan potensi yang ada dengan orkestra ini. Pada waktu itu kewujudan orkestra ini dipercayai boleh membantu kerajaan dalam mempromosikan hubungan yang baik dan harmoni di antara rakyat berbilang bangsa di Malaysia. Malahan keperluan untuk menerapkan sentimen nasionalisme di kalangan rakyat negara ini yang berbilang kaum melalui seni dan budaya menjadikan idea penubuhan OTM relevan pada waktu itu. Terutama apabila melihatkan penglibatan pelbagai alat muzik tradisional dan ahli muzik yang berbilang bangsa di Malaysia.



Gabungan alatan muzik tradisional daripada berbagai-bagai latar belakang ^{tbupsi}

yang berbeza dalam OTM ini telah memulakan satu konsep baru muzik seperti mana konsep "*invented tradition*", yang diperkenalkan oleh Hobsbawm & Ranger (1983) seterusnya telah menjadi landasan kepada perubahan tradisi alatan muzik itu sendiri. Menurut Hobsbawm & Ranger (1983), fenomena ini dapat dilihat di negara yang mahu memupuk semangat nasionalisme dan pembentukan identiti kebangsaan dengan mempromosi kesatuan melalui amalan kebudayaan. Dalam penyelidikan ini perbincangan lebih menjurus kepada aspek kefahaman berkaitan tradisi serta kaitannya dengan proses pengkaryaan muzik dan gabungan alatan muzik yang baharu di dalam OTM. Seterusnya melihat secara lebih mendalam mengenai fenomena nasionalisme semasa penubuhan OTM.





Selain daripada pemilihan alatan muzik yang bersesuaian untuk digabungkan di dalam sebuah orkestra, persoalan lain yang timbul daripada penubuhan orkestra ini adalah bagaimana orkestra ini boleh menjayakan tujuan untuk membangkitkan semangat nasionalisme di antara ahli-ahlinya. Sebagaimana dalam konsep "*imagined community*" (Anderson, 1983) sesuatu komuniti terbina melalui perkongsian pengalaman, nilai budaya, dan kepercayaan. Ini boleh juga dilihat melalui muzik, yang mana dipercayai boleh menentukan identiti sesuatu kelompok manusia dan juga boleh menyatupadukan sesuatu komuniti (Kadir, 1993). Bagaimanapun dari sudut konteks penubuhan OTM, fenomena nasionalisme ini perlu dilihat secara mendalam dan dibincangkan.

Apabila memperkatakan hal yang berkaitan dengan muzik tradisional, secara



umumnya sering dikaitkan dengan tradisi lama atau budaya yang diwarisi di sesuatu negara. Bagaimanapun melalui buku *The Invention of Tradition* oleh (Hobsbawm & Ranger, 1983), telah mencadangkan bahawa tradisi juga pada asalnya merupakan satu bentuk ciptaan baharu yang kemudiannya diwarisi dan akhirnya diiktiraf sebagai satu tradisi. Contoh yang diberikan seperti tradisi pakaian *kilts* yang kelihatan sudah wujud untuk beratus-ratus tahun di Tanah Tinggi Scotland yang sebenarnya merupakan ciptaan seorang rakyat British pada tahun 1730.

Idea pemilihan alat muzik dalam OTM bersandarkan kepada suatu penciptaan gabungan alatan muzik tradisional dalam sebuah orkestra baharu yang mengikut sistem dan struktur orkestra klasikal barat yang belum pernah dilakukan sebelum itu di Malaysia. Pemilihan alatan muzik tradisional di dalam OTM ini juga turut mengambil kira struktur masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Pendekatan yang dipilih





adalah dengan menggunakan alat muzik tradisional dari setiap kaum utama di Malaysia. Orkestra ini dikategorikan kepada beberapa kumpulan iaitu bertali digesek (*rebab, erhu, zhonghu, gaohu, cello dan double bass*), bertali dipetik (*gambus, sape, zhong ruan, sitar, pipa dan yanqin*), tiupan (seperti *seruling bambu, dizi, serunai, bansuri, souna* dan sebagainya), Gong (*gamelan, caklempong, kulintangan* dll.), perkusi (*kompang, mawas*) dan bahagian ritma yang terdiri daripada kibod, drum, bass elektrik dan gitar akustik.

Bagaimanapun pengkategorian alatan muzik ini tidak pernah melalui satu proses penyelidikan dan perbandingan untuk mencari kesesuaian daripada segi gabungan bunyi yang dihasilkan. Teknik gubahan dan teori muzik yang digunakan dalam karya pula hanya menggunakan teori muzik barat sedia ada, Sama ada teori



muzik moden atau klasikal barat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nasaruddin ^{tbupsi}

(1992) budaya muzik Malaysia amat dipengaruhi oleh unsur-unsur dari luar terutama dari budaya India, Islam dan Arab serta kemudiannya dari Barat. Oleh itu berdasarkan kefahaman tersebut mengikut perancangan awalnya tidak mustahil idea yang ingin diutarakan melalui OTM boleh direalisasikan. Sejak OTM ditubuhkan, Mohd Yazid Zakaria selaku konduktor OTM pertama, beliau telah pun mula mengumpul pemuzik tradisional sedia ada yang boleh membaca notasi barat untuk diserapkan ke dalam orkestra ini. Kini, OTM terdiri daripada 60 orang ahli secara tetap dan juga sementara yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan pengalaman dalam bermain alat muzik tertentu.



1.2 Latar Belakang Penyelidikan


Penubuhan Orkestra Tradisional Malaysia merupakan sebuah perancangan strategik bagi merangsang pelbagai aspek pembangunan muzik tradisional Malaysia. Di samping itu juga dijangka dapat menggalakkan hubungan yang lebih positif di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum melalui muzik tradisional. Malaysia kaya dengan khazanah muzik yang berbagai-bagai bentuk dan asal usulnya. Cuma yang menjadi kekurangan dan cabaran ialah kaedah sesuai bagi menyelaraskan dan menyatukan kesemua alat muzik ini di dalam sebuah kumpulan muzik atau orkestra. Idea penubuhan orkestra ini tercetus apabila penyelidik dihantar ke Seoul, Korea pada April 2007 selama 6 bulan bagi membuat pemerhatian terhadap kaedah yang telah dilaksanakan oleh National Orchestra of Korea (orkestra yang menggunakan alat muzik tradisional Korea) dalam membangunkan alat muzik tradisional mereka dalam sebuah orkestra.

Sekembalinya dari Korea, penyelidik telah mengemukakan satu laporan dan kertas cadangan bagi tujuan untuk menubuhkan sebuah orkestra yang menggabungkan alatan muzik tradisional yang dirasakan bersesuaian dalam sebuah orkestra tradisional di Malaysia. Seterusnya satu perjumpaan bersama karyawan tradisional tempatan telah dilakukan bagi membincangkan idea tersebut termasuk langkah-langkah yang perlu diambil. Semasa perbincangan itu, semua ahli bersetuju untuk mengadaptasi sistem yang digunakan di China, Mongolia dan Korea yang telah pun mempunyai orkestra tradisional sejak sekian lama. Pada ketika itu Ruslan Harun seorang pemuzik di Istana Budaya telah berjaya mengemukakan prototaip *rebab* moden (*Rebab OTM*) yang mana *rebab* ini telah diubahsuai supaya boleh dimainkan bersama notasi muzik barat. Berikutnya kertas cadangan perancangan strategik OTM disediakan oleh penyelidik sendiri pada 24 November 2008 dengan tujuan untuk menubuhkan OTM termasuk

langkah-langkah pembangunannya. Manakala Mohd Yazid Zakaria pula telah mula mengumpul penggubah muzik dan pemuzik tradisional sedia ada yang berpengetahuan dengan sistem notasi muzik barat untuk diserapkan ke dalam orkestra ini.

Sebelum penubuhan OTM, Istana Budaya pernah mengadakan konsert percubaan yang menerapkan idea untuk menggabungkan alatan muzik tradisional dalam sebuah orkestra iaitu Konsert 100 Simfoni Rakyat Malaysia (2004). Setelah penubuhan pada tahun 2008, OTM telah mengadakan beberapa persembahan di dalam dan luar negara antaranya, Program Titian Budaya Malaysia Singapura, di Esplanade Singapura (Mei 2008), Majlis Ulang Tahun ke-50 Bank Negara dan Sempena Persidangan Gabenor-Gabenor Bank Dunia (Januari 2009) dan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina (7 Feb 2009). Pada waktu itu enam daripada ahli muzik Orkestra Tradisional Malaysia yang juga merupakan anggota gabungan Orkestra Tradisional ASEAN-KOREA (AKTO) telah mengadakan persembahan sulung pada Mei 2009 di Korea. Konduktor Orkestra Tradisional Malaysia pertama iaitu Mohd Yazid Zakaria juga merupakan salah seorang komposer dan konduktor yang terlibat di dalam AKTO. Orkestra Tradisional Malaysia dianggotai seramai 60 orang ahli pada satu-satu masa tetapi boleh dikembangkan hingga 86 orang ahli muzik. Ahli OTM terdiri daripada ahli muzik yang memiliki kemahiran, kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang muzik berkaitan.

Berdasarkan kepada konsep yang dikemukakan di dalam teori *Imagined Communities* (Anderson, 1983), *Invented Tradition* (Hobsbawm & Ranger, 1983) dan latar belakang penubuhan OTM, penyelidik berpandangan bahawa terdapat permasalahan yang dapat dikemukakan seperti berikut;



PERNYATAAN MASALAH

Rajah 1.1. Latar Belakang Permasalahan Penyelidikan



1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai sebuah negara pascakolonialisme, Malaysia berusaha membangunkan sebuah negara baru melalui proses "*nation building*" atau pembinaan bangsa. *Nation building* merangkumi penciptaan *paraphernalia* (kelengkapan) nasional seperti bahasa, muzik, lagu, tarian, bendera, baju, kapalterbang dan sebagainya (Hroch & Cassling, 2012; Hippler, 2005; Smith 1996). Lambang-lambang simbolik ini diharap dapat mewujudkan sentimen nasionalisme dan identiti nasional berasaskan satu identiti. OTM merupakan satu contoh "kelengkapan nasional" yang bertujuan mewujudkan semangat nasionalisme dan perpaduan negara.

Pra dan pasca kemerdekaan telah memperlihatkan bagaimana kerajaan sejak awal lagi telah cuba untuk menerapkan rasa kecintaan kepada negara dan pembinaan





bangsa melalui lambang-lambang umum seperti bendera kebangsaan yang dikibarkan buat pertama kali pada 6 Mei 1950 di perkarangan Istana Sultan Selangor seterusnya telah dinaikkan dan berkibar secara rasmi pada 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor. Pada masa sama lagu kebangsaan iaitu *Negaraku* turut buat pertama kali telah diperdengarkan. Di samping itu juga Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang mana semua rakyat ini telah diwajibkan untuk boleh berbahasa Melayu bagi memudahkan komunikasi antara rakyat berbilang bangsa di negara ini.

Bagaimanapun disebabkan sejarah dan latar belakang rakyat negara ini yang amat berbeza asal-usulnya terutama kepada kaum utama selain Melayu yang berasal daripada tamadun besar seperti negara China dan India menyebabkan sentimen nasionalisme berdasarkan penciptaan *paraphernalia* (kelengkapan) nasional dalam beberapa perkara terutamanya budaya termasuk kesenian amat sukar dilakukan. Malahan pada era sebelum kemerdekaan lagi nasionalisme orang Melayu tertumpu kepada menentang kolonialisme Tanah Melayu (Kadir, 1993), orang Cina tertumpu kepada sokongan kepada usaha untuk menjatuhkan dinasti Manchu dan kaum India menyokong usaha membebaskan negara India dari British (Hashim, 2014). Nasionalisme kaum utama seperti Melayu, Cina dan India telah mempunyai sejarah, budaya dan kesenian tersendiri yang amat berbeza bentuk dan rupanya. Walaupun perbezaan-perbezaan ini juga turut menambah kekayaan khazanah kesenian negara ini, usaha pembinaan bangsa Malaysia melalui cara menyatukan lambang-lambang bersama ini untuk pembinaan satu identiti nasional telah menimbulkan masalah-masalah terutamanya untuk mendapatkan persetujuan bersama.





Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang kaya dengan khazanah tersendiri ini telah menyebabkan wujud masalah untuk membina satu identiti nasional. Persoalan yang timbul adalah bagaimanakah pelbagai khazanah ini boleh disatukan menjadi satu bentuk lambang sebuah negara baru? Menurut Wan Hashim (2014), terdapat pelbagai cara boleh dilakukan untuk mencapai integrasi nasional sama ada yang bersifat sementara dan direka-reka atau pun melalui cara yang lebih berkesan dan mampu kekal. Bagaimanapun dengan penggunaan alat muzik tradisional berbilang kaum digabungkan pula dengan penggunaan alat muzik moden dalam satu bentuk kesatuan sebuah orkestra pada ketika itu, telah memberi cabaran kepada karyawan untuk menghasilkan satu karya muzik yang boleh menyampaikan maksud dan tujuan nasionalisme pada masa yang sama mempunyai kualiti muzik bertaraf antarabangsa serta kreatif. Struktur alat muzik tradisional yang kompleks dan berasal daripada latar belakang yang berbeza menjadikan usaha ini sukar.

Menurut Nasaruddin (1991) pula, alat muzik Melayu tidak mempunyai piawai tepat skel 12 separuh tone (*tempered scale of twelve semitone*) seperti muzik barat. Muzik rantau Asia menggunakan dua jenis sistem senada (*tonal system*) iaitu skel heptatonic tujuh ton dan skel *pentatonic* lima ton. Muzik Melayu menggunakan variasi kedua-dua sistem ton ini. Muzik Melayu juga mempunyai berbagai-bagai variasi sistem talaan (*tuning*) seperti *rebab* yang mempunyai sistem talaan yang berbeza mengikut tempat. Begitu juga nada (*pitch*) serunai juga berbeza daripada kumpulan ke kumpulan kerana serunai dibentuk tanpa mengikut pengkhususan tertentu. Oleh itu perbincangan untuk membentuk satu keseragaman di antara alat muzik tradisional perlu dilakukan bagi memastikan bunyi daripada gubahan muzik OTM dapat dihasilkan sebaik mungkin. Seterusnya usaha untuk menggalakkan integrasi kaum seterusnya



nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia melalui muzik tradisional lebih berpotensi untuk berjaya.

Pada waktu itu struktur susunan alat muzik dalam OTM hanya dilakukan secara andaian dengan mengkategorikan alat muzik bertali digesek, dipetik, diketuk, ditiup dan alatan metal tanpa melalui penyelidikan komprehensif mengenai hasil gabungan bunyi yang bakal dihasilkan. Tambahan pula alatan muzik moden yang sistem talaannya (*tuning*) bersifat *equal temperament* manakala kebanyakan alat muzik tradisional yang ada di Malaysia pula tidak mempunyai sistem talaan (*tuning*) yang standard menyebabkan karya gubahan muzik yang mahu dihasilkan berkemungkinan memerlukan satu sistem dan penggunaan cara dan konsep pengkaryaan muzik baharu supaya karya dapat dihasilkan pada tahap yang terbaik. Namun masih belum ada panduan khusus yang dapat digunakan oleh OTM. Kesesuaian gabungan alat muzik ini juga belum dilihat dari sudut silang budayanya dan kaitannya dengan nasionalisme.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, penyelidik telah membina tujuan dan tiga objektif penyelidikan bagi tujuan menetapkan hala tuju penyelidikan.

1.4 Tujuan Penyelidikan

Penyelidikan etnografi ini bertujuan untuk mendapat kefahaman dan menjelaskan sama ada terdapat hubungan antara nasionalisme dan muzik terutamanya muzik tradisional terhadap integrasi dan perpaduan nasional dalam penubuhan OTM di Istana Budaya. Melalui dapatan penyelidikan dan rumusan daripadanya akan dibina model yang berkaitan dan seterusnya menghasilkan konsep bagi menggambarkan keseluruhan hasil penyelidikan ini.



1.5 Objektif Penyelidikan

Berdasarkan tujuan penyelidikan, dikenal pasti beberapa perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam penyelidikan yang meliputi elemen muzik tempatan, strategi pemilihan lagu, alatan muzik dan susun atur alatan muzik dan isu-isu yang timbul dari sudut muzikal. Berikut adalah perincian objektif penyelidikan yang dilaksanakan.

- i. Menganalisis bagaimana kepelbagaian muzik tempatan Malaysia diintegrasikan ke dalam gubahan muzik OTM.
- ii. Mengkaji pemilihan lagu, alat muzik, dan program persembahan yang bertujuan untuk membangkitkan nasionalisme.
- iii. Mengenal pasti penyelesaian OTM terhadap isu mengadaptasi kepelbagaian talaan, gaya muzik dan ciri-ciri alat muzik dan muzik Malaysia.




Berdasarkan 3 objektif penyelidikan di atas pula, berikut adalah 3 persoalan penyelidikan yang telah ditetapkan;

1.6 Persoalan Penyelidikan

- i. Bagaimanakah elemen muzik tempatan dalam gubahan muzik OTM digunakan bagi menerapkan idea nasionalisme?
- ii. Apakah strategi yang telah digunakan bagi merangsang nasionalisme di dalam penetapan lagu, pilihan dan susun atur alatan muzik?
- iii. Apakah isu-isu yang timbul akibat daripada proses penyeragaman, penalaan dan sistem muzikal yang muncul akibat daripada penubuhan OTM?



Berikut merupakan carta ringkasan kaitan antara pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian;



Rajah 1.2. Turutan Proses Pembentukan Persoalan Penyelidikan

1.7 Kerangka Teori dan Konseptual Penyelidikan

Rohidi (2000) menyatakan bahawa pendekatan inter-disiplin (*inter-disciplinary approach*) merupakan kaedah teoretikal yang diterapkan dalam mengkaji masalah sesuatu penyelidikan. Kaedah pendekatan inter-disiplin merupakan suatu sistem penggabungan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang meliputi pelbagai konsep yang sesuai daripada cabang-cabang ilmu pengetahuan bertujuan untuk mendapat kefahaman serta menjelaskan suatu permasalahan yang rumit terutamanya kepada penyelidikan seni. Konsep yang akan diterapkan dalam penyelidikan ini merupakan gabungan antara konsep *Imagined Community* (Anderson, 1983) dan *Invented Tradition* (Hobsbawm &



Ranger, 1983), seterusnya mengadaptasi konsep institusi sosial (nilai, persekitaran dan simbol) (Geertz, 1973) untuk tujuan memudah cara proses analisis data.

Fenomena nasionalisme yang muncul melalui penubuhan OTM selari dengan apa yang diperkatakan oleh Anderson (1983) berkenaan sebuah *nation* :

the nation is imagined because the members of even the smallest nation will never know most of their fellow-members, meet them, or even hear of them, yet in the minds of each lives the image of their communion (Anderson, 1983).

Imej sebuah orkestra berbilang bangsa yang membuat persembahan ini di imaginasi dan digambarkan sebagai sebuah masyarakat yang harmoni. Cara ini secara psikologinya mungkin dapat mempengaruhi rakyat sesebuah negara untuk mempercayai bahawa mereka hidup di lingkungan rakyat yang mempunyai identiti yang sama. Anderson (1983) juga menjelaskan bahawa dengan munculnya kapitalisme percetakan (*print capitalism*) iaitu teknologi komunikasi dan media yang memberi kesan terhadap *imagined community* ini dan berkemungkinan kita sebenarnya bukanlah hidup dalam gambaran yang sebenar seperti mana yang kita percayai tetapi hanya satu suasana yang dibentuk untuk kita percaya.

Persoalan yang dibangkitkan oleh Anderson (1983) adalah bagaimana sesuatu komuniti atau masyarakat dibentuk gambarannya supaya akhirnya tanpa sedar mempercayai bahawa mereka berada dalam satu identiti nasional yang sama, walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain dan berada di lokasi yang berbeza. Pada masa Anderson menyatakan teori ini, beliau menjelaskan bahawa dengan kewujudan media massa seperti suratkhbar, setiap pembaca yang meneliti bacaan yang sama akan mengimajinasikan bahawa mereka juga dalam satu suasana dan dalam keadaan yang sama. Walaupun ketika ini kewujudan media sosial yang membenarkan individu juga





boleh menyebarkan ideologi tertentu dan tidak lagi terikat kepada kuasa tertentu, namun teori ini masih relevan jika dilihat dari sudut sempadan maklumat yang masih berdasarkan geografi dan lingkungan masyarakat khusus dan terhad yang mengelilingi seseorang individu.

Penubuhan OTM mempunyai kaitan dengan teori ini. Disebabkan oleh latar belakang masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai bangsa dan asal keturunan yang berbeza serta turut membawa kesenian dari tempat asalnya, identiti nasional yang cuba digambarkan melalui muzik unik yang dimainkan oleh OTM menggunakan alatan muzik yang turut ingin “di imaginasi” sebagai satu bentuk nasionalisme kepada masyarakat negara ini. Penyelidikan ini akan cuba melihat dari sudut perspektif nasionalisme dan cuba menjelaskan secara mendalam dan terperinci berkenaan fenomena nasionalisme semasa penubuhan OTM dengan merujuk kepada teori Anderson ini. Hasil penyelidikan ini juga boleh menjurus kepada andaian bahawa muzik boleh dijadikan sebagai satu ekspresi untuk menjelaskan identiti sesuatu kelompok manusia.


Perbincangan mengenai pembaharuan yang dilakukan terhadap susunan dan cara permainan alatan muzik tradisional melalui OTM ini memerlukan kefahaman yang lebih mendalam terhadap apakah yang dimaksudkan dengan tradisi. Seterusnya apakah hubung kait dan kesannya apabila sesuatu tradisi itu di ubah?. Persoalan ini mempunyai perkaitan dengan konsep yang dijelaskan dalam teori *Invented Tradition* (Hobsbawm & Ranger, 1983). Yang mana teori ini telah mencadangkan bahawa tradisi yang biasanya diperturunkan secara lisan daripada sebuah generasi kepada generasi yang berikutnya, mempunyai asal usul penciptanya sebagaimana beberapa contoh yang



dibincangkan dalam teori tersebut. Perbincangan turut mengambil kira teori ini bagi melihat kaitannya dengan fenomena nasionalisme dalam penubuhan OTM.


Teori *Invented Tradition* ini juga membawa penyelidik melihat dari sudut nasionalisme pascakolonialisme masyarakat negara ini yang memberi kesan terhadap budaya secara umum dan kesenian secara khususnya. Terutama selepas peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 berlaku yang mana peristiwa ini juga telah mencetuskan penganjuran Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 seterusnya melalui resolusi kongres ini telah terhasilnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang menjadi panduan utama kepada dasar kerajaan yang berkaitan seni dan budaya sehingga kini. Bagaimanapun tiga teras di dalam dasar ini iaitu: (a) Berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini, (b) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima dan (c) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan, telah difahami dengan berbagai interpretasi yang berbeza. Sama ada melihat DKK sebagai satu langkah yang boleh menyekat kreativiti dan pengembangan idea seni atau pun sebagai satu bentuk kawalan supaya kesenian negara ini mempunyai identiti unik yang dibina dengan acuan tersendiri.

Penubuhan OTM dilihat sebagai salah satu tindakan yang ada kaitannya dengan DKK. Objektif penubuhan, penyusunan struktur peralatan muzik yang digunakan di dalam OTM yang terdiri daripada alatan muzik berbilang bangsa di Malaysia, lagu-lagu yang dimainkan dan bentuk persembahan yang pernah dilakukan dilihat selari dengan tiga teras yang dinyatakan di dalam DKK. Seterusnya lanjutan daripada penubuhan OTM ini, telah menyebabkan satu bentuk baru muzik telah dicipta. Perbincangan lebih lanjut mengenai hal ini akan dibincangkan pada bab dua. Penggunaan teori dan konsep dalam penyelidikan pula adalah seperti di bawah;



Rajah 1.3. Penggunaan Teori dan Konsep dalam Penyelidikan


Berteraskan tiga persoalan kajian yang telah ditetapkan sebelum ini, penyelidik mengenal pasti pula kerangka tiga perkara utama yang ingin dijelaskan dalam penyelidikan ini. Keseluruhan penyelidikan ini digambarkan di dalam kerangka teori dan konseptual penyelidikan seperti di bawah;



Rajah 1.4. Kerangka Teori dan Konseptual Penyelidikan

Berdasarkan kerangka teori dan konseptual penyelidikan yang telah dinyatakan, penyelidik telah merancang bagaimana proses penyelidikan ini akan dilaksanakan. Melalui penelitian bahan bacaan awal, memperoleh data awal di lapangan juga temu bual ringkas bersama informan yang dikenali di Istana Budaya, penyelidik telah merangka proses tersebut melalui carta alir ringkas proses penyelidikan seperti yang dipaparkan di bawah.

1.8 Carta Alir Ringkas Proses Penyelidikan



Rajah 1.5. Kerangka Turutan Proses Penyelidikan

1.9 Kepentingan Penyelidikan

Polemik hubungan kaum di negara ini yang sentiasa muncul dari semasa ke semasa memerlukan satu formula atau kaedah khusus yang unik bagi merapatkan jurang antara kaum (Hashim, 2014). Atas sebab itu, penubuhan OTM dilihat sebagai salah satu usaha untuk merapatkan jurang antara kaum melalui seni dan budaya. Pada masa yang sama mewujudkan imej negara Malaysia yang berbilang bangsa melalui seni muzik. Walaupun OTM telah wujud sejak 10 tahun yang lalu, tiada penyelidikan khusus pernah dilakukan bagi menjelaskan fenomena ini.

Penyelidikan ini penting bagi mengetahui secara terperinci bagaimanakah OTM telah membantu ke arah membangkitkan perasaan nasionalisme dan seterusnya memberi kesan terhadap usaha merapatkan hubungan antara kaum melalui seni muzik.

Melalui hasil penyelidikan ini juga boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada mana-mana organisasi, agensi, pertubuhan, organisasi bukan kerajaan dan kementerian di dalam melaksanakan apa-apa aktiviti atau usaha untuk merapatkan hubungan kaum melalui kesenian terutamanya muzik tradisional.

Pada masa yang sama juga boleh menambah cabang pengetahuan mengenai nasionalisme di negara ini khususnya melalui seni muzik. Karyawan muzik tradisional juga boleh menjadikan hasil penyelidikan ini sebagai rujukan untuk menghasilkan karya muzik yang dapat menyerap elemen nasionalisme di dalamnya. Dari sudut akademik pula, hasil penyelidikan ini boleh terus dikembangkan lagi ke cabang-cabang ilmiah lain terutamanya seni dan budaya yang bersesuaian supaya selari dengan kepentingan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.



1.10 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini terbatas dalam lingkungan sebuah orkestra tradisional yang ditubuhkan di Istana Budaya dengan menggunakan alatan muzik tradisional berbilang kaum terpilih yang ada di Malaysia. Penyelidikan ini hanya melihat keberkesanan penggunaan peralatan muzik tradisional sebagai medium untuk menggalakkan elemen nasionalisme di antara berbilang kaum. Pemilihan informan untuk penyelidikan ini juga hanya terhad kepada karyawan yang pernah turut serta di dalam mana-mana persembahan dan perancangan OTM sebagai ahli muzik, pengurusan dan penggubah muzik. Informan pula terdiri daripada kakitangan tetap dan juga karyawan professional dari luar organisasi OTM yang sering dijemput membantu persembahan OTM.



1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Nasionalisme

Menurut Ryan (1991), untuk memahami nasionalisme secara menyeluruh perlu melihat melalui pendekatan multi-disiplin. Oleh itu definisi nasionalisme telah diperdebatkan oleh ahli akademik sebelum ini, yang mana istilah *nation*, *nationality*, *state*, *people*, dan *culture* atau boleh difahami dengan maksud kenegaraan, kewarganegaraan, kenegerian, rakyat dan budaya turut dikaitkan dengan nasionalisme. Menurut Hashim (2014) perkataan nasionalisme berasal daripada *nation* atau bangsa atau dalam istilah Jerman iaitu *volk* yang bermaksud “rakyat” atau secara lebih tepatnya sebuah komuniti politik. Begitu juga Hroch (2015) pula menyatakan bahawa pada abad ke-18, istilah *nation* dalam bahasa Inggeris adalah merujuk kepada rakyat sesuatu negeri di bawah satu pemerintahan yang sama dan dikawal oleh undang-undang yang sama. Manakala



Greenfeld (2001) menyatakan bahawa teras nasionalisme adalah daripada konsep *nation*. Manakala *nation* atau “bangsa” dalam bahasa Inggeris pula berasal daripada kata kerja Latin *nasci* yang bermaksud “dilahirkan dari” seterusnya menjadi *nativus* dan *natives* yang bermaksud asal (Grosby, 2011).

Bagaimanapun Grosby (2011) tidak menganggap bahawa “bangsa” tidak semestinya sinonim dengan nasionalisme yang mana beliau menyatakan bahawa nasionalisme hanyalah merupakan satu bentuk keyakinan kepada sesuatu bangsa. Disebabkan keyakinan ini sesuatu “bangsa” akan mempunyai pandangan mengenai ciri-ciri karakternya sendiri seterusnya akan saling bersaing antara “bangsa” lain yang akhirnya akan dimanifestasikan dalam bentuk perbezaan pandangan politik. Menurut O’Leary (1997) nasionalisme merupakan satu prinsip penting bagi kesahan politik dunia moden yang mana sesebuah negara secara kolektif dan bebas boleh mengekspresikan sesuatu institusi dan diperintah oleh para nasionalisnya. Secara asasnya nasionalisme merupakan satu bentuk kesedaran sosial yang bermula di England pada awal abad ke-16 seterusnya tersebar ke seluruh dunia pada awal abad ke-20 (Greenfeld, 2001).

1.11.2 Orkestra

Menurut Spitzer & Zaslav (2004) dan Lawson (2003) secara umumnya orkestra bermaksud satu ensembel besar alat muzik yang biasanya dikaitkan dengan muzik klasikal. Sejarah pembinaan orkestra bermula pada abad ke-17 dan ke-18 yang mana secara umumnya terdapat lima pendekatan yang digunakan dalam menjelaskan sejarah orkestra. Pertama adalah *etymology* iaitu berkenaan sejarah alatan muzik yang digunakan di dalam orkestra. Kedua ialah *taxonomy* iaitu klasifikasi kepada kumpulan muzik yang seakan-akan orkestra. Ketiga pula ialah *organology* sejarah alatan muzik



yang pernah dimainkan di dalam orkestra. Keempat ialah *orchestration* iaitu sejarah bagaimana cara komposer menulis muzik menggunakan alatan muzik di dalam orkestra dan yang kelima adalah *social history* iaitu sejarah mengenai hubungan antara pemuzik orkestra, komposer, penaung orkestra dan penonton. Melalui kelima-lima pendekatan ini telah dapat menjelaskan asal-usul orkestra dan sejarahnya. Bagaimanapun di dalam penyelidikan ini istilah orkestra ini memberi tumpuan terhadap penggunaan alatan muzik tradisional di Malaysia dalam sebuah orkestra.

1.11.3 Orkestra Tradisional Malaysia

Berpandukan orkestra yang menggunakan alatan muzik tradisional seperti di Korea, China dan Mongolia, orkestra ini telah ditubuhkan di Istana Budaya pada tahun 2008 seterusnya dilancarkan pada 2010 yang mana alatan muzik yang digunakan adalah terdiri daripada alatan muzik tradisional kaum utama di Malaysia seperti Melayu, Cina, India dan alatan muzik dari Borneo. Susunan alat muzik yang diterapkan adalah berdasarkan susunan orkestra barat seperti strings, woodwind dan perkusi. Sistem muzik yang digunakan di dalam gubahan serta notasi muzik juga adalah berdasarkan kepada sistem notasi barat.

1.11.4 Istana Budaya

Merupakan sebuah panggung persembahan bertaraf kebangsaan *National Theater* yang telah mementaskan banyak persembahan tempatan dan antarabangsa sejak pelancaran pada tahun 1999. Bermula dengan panggung negara (kini *Experiment Theater* ASWARA) di Kompleks Budaya Negara yang telah dipindahkan ke Istana Budaya yang mana di dalamnya terdiri daripada Artistana (Artis Tari), Orkestra Simfoni



Kebangsaan (OSK), Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) dan Istamuzika (Ensembel kecil tradisional).

1.11.5 Kemuluranisme

Istilah kemuluranisme yang dikemukakan adalah ditakrifkan daripada kata dasar mulur bermaksud tidak rapuh dan dapat memanjang, dapat dijadikan panjang atau tidak keras kepala, boleh bertolak ansur seterusnya kemuluran pula membawa maksud hal-hal berkaitan mulur. Sementara “isme” pula merujuk kepada kepercayaan, gerakan politik, atau keagamaan, dan juga sikap atau perlakuan (Kamus Dewan, 2005). Secara rumusannya kemuluranisme yang dikemukakan bermaksud hal berkaitan bentuk, sikap dan perlakuan yang bersifat anjal, bertolak ansur, boleh menyesuaikan diri, fleksibel apabila diperlukan dan boleh kembali ke bentuk asalnya.

1.12 Rumusan Bab

Dalam bab satu ini penyelidik telah menjelaskan latar belakang penyelidikan, permasalahan seterusnya tujuan dan objektif yang telah dikemukakan yang akhirnya menghasilkan persoalan penyelidikan. Penyelidik juga telah menerangkan secara ringkas berkenaan penggunaan teori dan konsep untuk memperoleh jawapan kepada persoalan penyelidikan. Dalam bab ini juga telah dijelaskan berkenaan kepentingan penyelidikan ini serta batasan nya.